

16/06/2002

Formula baru bekal air (HL)

Amad Bahri Mardi

KOTA TINGGI: Malaysia dan Singapura bersetuju menggunakan formula penetapan harga air yang menjamin kedua-dua pihak tidak akan mempertikaikan isu bekalan air mentah ke republik itu pada masa depan, pada perbincangan pada 1 dan 2 Julai ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata formula itu akan menjadi keutamaan pada perbincangan di Kuala Lumpur itu, sebelum sebarang ketetapan diambil, yang bakal memberi faedah dan keuntungan kepada kedua-dua pihak.

"Melalui perbincangan pada pertemuan itu nanti, kita sedar kedua-dua pihak mengetahui kehendak masing-masing. Melalui kajian dan analisis, kita mahu sumber air yang kita miliki memberi manfaat kepada kita.

"Apa yang penting, dalam penetapan harga air ini perlulah diambil kira keadaan semasa, suasana dan kemahuan Singapura untuk terus mendapat bekalan air daripada kita dan Malaysia pula mendapat nilai yang munasabah daripada sumber alam yang amat berharga itu," katanya.

Syed Hamid berkata demikian pada majlis penutup rasmi perkhemahan tahunan orang kurang upaya daerah Kota Tinggi, di Teluk Ramunia di sini, semalam. Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengerang, Harun Abdullah.

Kini, Singapura membeli air mentah yang dibekalkan kerajaan Johor pada kadar 30 sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter).

Singapura yang pernah mencadangkan harga air mentah yang dibeli dari Johor itu dinaikkan kepada 45 sen bagi setiap 1,000 gelen, tetapi tidak dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syed Hamid berkata, menerusi perbincangan itu nanti, Malaysia akan memperkenalkan satu formula yang menjamin kedua-dua pihak tidak akan mempertikai isu bekalan air mentah ke republik itu pada masa depan.

"Apabila perkara itu sudah dipersetujui dan kemudian berlaku semakan semula pada kemudian hari, formula itu tetap boleh diguna pakai secara automatik.

"Kita hendak melihat supaya ada keseimbangan yang boleh dicapai, dengan kedua-dua pihak akan berpuas hati. Saya dapati suasana ketika ini memperlihatkan kedua-dua pihak cukup berminat untuk mencari kata sepakat," katanya.

Ditanya sama ada hanya isu air menjadi perkara utama dan mengetepikan isu lain pada pertemuan 1 dan 2 Julai itu, Syed Hamid berkata, isu bekalan air mentah ke Singapura itu memang menjadi perkara utama perbincangan, selain tiga isu lain yang akan turut dibincangkan.

"Jika isu air dapat diselesaikan, isu lain iaitu pengeluaran wang milik rakyat Semenanjung dari Kumpulan Simpanan Wang Pusat (CPF), tanah milik Keretapi Tanah Melayu Bhd, penggunaan ruang udara dipercayai akan lebih mudah diselesaikan.

Berhubung isu penambahan laut, Syed Hamid yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata, lebih melihat kepada kepentingan bersama untuk menyelesaikannya secara baik dan tidak akan dibincangkan melalui pakej itu.

Syed Hamid turut menegaskan perbincangan beberapa isu secara pakej itu juga tidak menentukan sebarang had masa kerana ia lebih bersifat rundingan.

"Oleh kerana isu itu sudah tertangguh begitu lama, Malaysia tetap berharap ia dapat diselesaikan segera. Jika keputusan masih tidak dapat

dilakukan, perundingan akan disambung semula pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian," katanya.

Beliau berkata, apa juga keputusan yang bakal diperoleh akan dimaklumkan kepada media dan rakyat kerana bagi beliau perkara itu penting supaya semua pihak terutama rakyat negara ini tahu apakah tindakan yang sudah diambil.

(END)